

07/04/1997

Briged tumpu kerja amal

KUALA LUMPUR, Ahad - Briged Wanita ditubuhkan untuk menjadi jentera Pergerakan Wanita Umno dalam melaksanakan kerja amal dan pendidikan khususnya bidang teknologi maklumat (IT).

Ia bukan semata-mata ditubuhkan untuk membanteras penyakit sosial tetapi akan menjadi alat Wanita mewujudkan lebih ramai pemimpin pelapis di kalangan wanita.

Ketuanya, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka melancarkan Briged Wanita sempena Ekspo Pencapaian Ekonomi Bumiputera, 16 April ini.

Menurutnya, Briged Wanita juga boleh mewujudkan kelas komputer bagi membolehkan lebih ramai wanita menjadi celik komputer selaras perkembangan IT dan Koridor Raya Multimedia (MSC).

"Briged Wanita akan menggunakan prasarana sedia ada seperti tempat khidmat wakil rakyat dan sekolah untuk menganjurkan aktivitinya.

"Setakat ini, lebih 400 sudah mendaftar untuk menyertai pasukan seragam Briged Wanita," katanya selepas menjadi ahli panel program siaran langsung Cermin Diri terbitan TV3 di Pusat Islam di sini, hari ini.

Anggota Briged Wanita terdiri daripada pelajar lepasan sekolah khususnya berusia lebih 16 tahun termasuk pekerja kilang, ahli korporat dan suri rumah.

Zaharah yang juga Timbalan Menteri Kesihatan berkata, Majlis Tertinggi (MT) Umno juga sudah dimaklumkan mengenai perkara itu.

(END)